

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 5, 2019 8:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Kerja JPT, KPM Bantu Penambahbaikan Proses Kerja Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

05 SEPTEMBER 2019 / 05 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LAWATAN KERJA JPT, KPM BANTU PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) hari ini telah menerima lawatan kerja dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membuat semakan ke atas dua proses utama di universiti ini.

Lawatan diketuai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan), Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar bersama enam lagi warga JPT, KPM disambut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Naib Canselor berkata, lawatan kerja tersebut adalah untuk membuat semakan ke atas pengurusan governan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan pengurusan kenaikan pangkat profesor serta kriteria baharu bagi laluan pengajaran, pendidikan, amalan profesional dan kepimpinan.

Dalam pertemuan itu, beliau telah menerangkan tentang pengurusan LPU UUM yang terdiri 11 orang ahli dan dipengerusikan Dato' Dr. Sudin Haron, selain ahli terdiri wakil alumni UUM, wakil swasta, wakil KPM dan Kementerian Kewangan serta mereka yang berpengalaman termasuk wakil Senat Universiti.

Katanya lagi, UUM antara universiti terawal menjalani sesi *Board Effectiveness Assessment* (BEA) pada Oktober 2017 dan maklum balas sesi tersebut telah diguna pakai dalam penambahbaikan proses memantapkan aspek governan universiti.

"Dalam aspek kenaikan pangkat staf akademik, UUM turut menyediakan laluan kepada semua staf bagi tujuan kenaikan pangkat mengikut syarat ditetapkan, malah universiti juga sedang dalam proses menyemak syarat kenaikan pangkat bagi semua peringkat staf akademik.

"Bagi melahirkan staf akademik yang dinamik dan berkualiti, universiti kini sedang melaksanakan *Talent Grooming* untuk *Inspiring Lecturer* dan *Accomplished Researcher*," katanya.

Tambah beliau, UUM akan memperkemas lagi kaedah penilaian prestasi tahunan staf akademik berdasarkan komponen pengajaran, seminar, penerbitan, hasil inovasi dan pengkomersilan (impak penyelidikan) serta penyelidikan dan markah bonus sebagai insentif bagi kriteria tertentu.

Katanya, UUM juga ingin merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Tun Dr. Moahathir Mohamad untuk menjadikan universiti ini sebagai *Harvard of the East* dengan mengekalkan asas UUM sebagai universiti pengurusan, seterusnya menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka di Asia.

Sementara itu, Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh berkata, semakan proses utama itu akan dibuat secara '3 in 1' iaitu melibatkan kriteria lantikan profesor, semakan pengurusan LPU dan semakan awal dokumen yang berkaitan dengan proses pengambilan dan pelantikan penjawatan profesor.

Pada pertemuan itu, beliau turut menerangkan tentang ringkasan eksekutif yang meliputi kaedah kajian iaitu semakan dokumen ke atas 20 universiti awam mengikut tiga aspek, dapatan kajian dan cadangan awal.

Antara cadangan awal dikemukakan adalah penguatkuasaan kriteria minima dan SOP peringkat kebangsaan untuk pelantikan dan kenaikan pangkat bagi profesor, pengauditan secara berkala bagi memastikan ketelusan proses pelantikan penjawatan dan penubuhan jawatankuasa peringkat kebangsaan untuk kendali kes tertentu bagi membantu calon yang tidak memenuhi syarat minimum tetapi mempunyai merit dan kekuatan dari sudut lain.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.